
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JIB 104 – Biologi Asas

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.

...2/-

1. Huraikan yang berikut tentang paku pakis.
 - (a) Cara pembiakan. (10 markah)
 - (b) Adaptasi kehidupan di darat. (10 markah)
2. Jelaskan secara am berkenaan habitat, tabiat, paras organisasi sel serta cara pemakanan alga biru hijau. (20 markah)
3. Bezakan antara ciri angiosperma dan gimnosperma berdasarkan tisu tumbuhan dan kaedah pembiakan. (20 markah)
4. (a) Apakah faedah yang manusia boleh perolehi daripada haiwan artropoda? (10 markah)
(b) Dengan memberikan contoh, terangkan kepelbagaian filum Echinodermata. (10 markah)
5. Bandingkan ciri-ciri kelas Chondrichthyes dan kelas Osteichthyes dan terangkan bagaimana haiwan ini sesuai kepada kehidupan akuatik. (20 markah)
6. (a) Apakah jalinan endoplasma? (4 markah)
(b) Dengan memberikan contoh, terangkan perbezaan antara asid lemak tepu dengan asid lemak tak tepu. (6 markah)
(c) Terangkan struktur mononukleotida. (3 markah)
(d) Huraikan peranan karbohidrat dalam sel. (7 markah)

- ooo O ooo -